

Company Name : Empire Premium Food Berhad
Date : 13 March 2026
Source : Berita Harian

Pemilik Empire Sushi Meterai Perjanjian IPO Di Pasaran Utama Bursa Malaysia



Lim (empat dari kiri) pada majlis memeterai perjanjian penaja jamin runcit sempena penyenaiaan Empire Premium di Pasaran Utama Bursa Malaysia - Foto ihsan Empire Premium

KUALA LUMPUR: Empire Premium Food Bhd memeterai perjanjian penaja jamin runcit dengan Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB) untuk tawaran awam permulaan (IPO) dan cadangan penyenaiaannya di Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Pengendali pemilik Empire Sushi itu berkata IPO tersebut melibatkan 363 juta saham biasa yang terdiri daripada terbitan awam sebanyak 218 juta saham terbitan dan tawaran untuk penjualan 145 juta saham sedia ada (saham tawaran).

Empire Premium melalui satu kenyataan hari ini berkata, sejumlah 293 juta saham akan diperuntukkan sebagai tawaran institusi, mewakili sehingga kira-kira 26.6 peratus daripada saham terbitan yang diperbesarkan.

"Sebanyak 137.5 juta saham tawaran, mewakili 12.5 peratus daripada saham terbitan yang diperbesarkan, diperuntukkan kepada pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

"Sejumlah 155.5 juta saham IPO lagi (merangkumi 7.5 juta saham tawaran dan 148 juta saham terbitan), mewakili kira-kira 14.1 peratus daripada saham terbitan yang diperbesarkan, disediakan kepada pelabur institusi dan terpilih (selain pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI)," katanya.

Untuk tawaran runcitnya, sejumlah 70 juta saham terbitan diperuntukkan, mewakili kira-kira 6.4 peratus daripada saham terbitan yang diperbesarkan.

"Sebanyak 55 juta saham terbitan, mewakili lima peratus daripada saham terbitan yang diperbesarkan, yang dikhaskan kepada permohonan orang ramai Malaysia melalui pengundian, yang mana 27.5 juta saham terbitan akan diketepikan untuk warga Bumiputera, syarikat, koperasi, pertubuhan dan institusi.

"15 juta lagi saham terbitan, mewakili 1.4 peratus daripada saham terbitan yang diperbesarkan, telah dikhaskan untuk ahli-ahli pengarah Empire Premium, kakitangan kumpulan yang layak dan orang yang telah menyumbang kepada kejayaan kumpulan itu," katanya.

Kumpulan itu berkata, bahawa majoriti hasil IPO akan digunakan dalam tempoh tiga tahun dari tarikh penyenaraian untuk pembesaran cawangan baharu, menaik taraf dan membaik pulih cawangan sedia ada serta modal kerja, manakala hasil selebihnya akan digunakan untuk membayar yuran termasuk perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan IPO.

Ketua Pegawai Eksekutif Empire Premium, Nicole Lim, berkata tumpuan kumpulan itu kekal untuk mengukuhkan operasi dan perkhidmatan terasnya termasuk melaksanakan pelan hala tuju pertumbuhan sambil meletakkan asas yang kukuh bagi pertumbuhan mampan.

Maybank IB ialah penasihat utama, ejen penempatan tunggal, penyelaras dan penaja jamin tunggal untuk pelaksanaan IPO berkenaan.